

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

11 SEPT 2016

AHAD



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
THE STAR	SEVEN-MINUTE FREAK STORM LEAVES TRAIL OF DESTRUCTION	2
HARIAN METRO	BERSIH KAWASAN	3
BERITA HARIAN	80 KELUARGA MANGSA RIBUT DAPAT BANTUAN	4
SINAR HARIAN	‘TANGISAN JIRAN MENGHANTUI SAYA’	5
SINAR HARIAN	BANTUAN KHAS TRAGEDI RIBUT	



THE STAR

STAR 11A/16

Seven-minute freak storm leaves trail of destruction

All that's left:
Kampung Pasir Puteh villagers salvaging items from their destroyed home following the storm.



By KATHLEEN ANN KILI
kili@thestar.com.my

PASIR GUDANG: Housewife Siti Nur Sharinah Mohamad was resting in the bedroom with her four-year-old son when the zinc roof of her house in Kampung Pasir Puteh here was suddenly blown off by strong winds.

The freak storm, which struck at around 2.30pm on Friday, lasted only seven minutes but left a trail of destruction in the village, damaging the homes of 80 families.

"I rushed out of the house with my son and four other family mem-

bers. It was chaotic because my neighbours were also screaming and crying."

"We just stood under the heavy rain in shock until other neighbours came to our aid and gathered us together in a nearby hall," she told reporters here yesterday.

Siti Nur Sharinah, 23, said she had to stay the night at her mother-in-law's house because most of her furniture and electrical items were damaged in the storm, adding that she suffered some RM10,000 in losses.


During a visit to the village, Johor Menteri Besar Datuk Mohamed

Khaled Nordin announced that at least RM80,000 would be set aside as aid for the families.

"Based on my personal assessment, there is a need to help the families rebuild their homes."

"The storm has forced some to seek shelter at the village's multi-purpose hall, while others are staying with their relatives," he said.

Mohamed Khaled also expressed relief that nobody was hurt in the incident, adding that the state Welfare and Religious Departments would also be assessing the damage.



HARIAN METRO



PENDUDUK bergotong-royong menyiapkan kawasan di Masjid An-Nur Taman Cendana, Pasir Gudang bagi program korban Titipan Kasih Harian Metro, Selasa ini.



DAHAN pokok sekitar masjid turut dicantik.

Titipan Kasih
Metro

Norazimah Narudin
am@metro.com.my

Pasir Gudang 11/9/16

K ariah Masjid An-Nur Taman Cendana di sini, bersedia sepenuhnya menjadi tuan rumah program korban Titipan Kasih Harian Metro (TKIM) yang bakal memasuki 25 lembu diambil untuk ditabungkan kepada penduduk sekitar kawasan itu Selasa ini.

Semalam, satu aktiviti gotong-royong khas dilaksanakan membuatkan 70 penduduk termasuk Ahli Jawa-tankuus Penduduk Taman Cendana dan Masjid An-Nur sebagai persediaan terhadai sebelum program berkenaan berlangsung.

Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Zon Taman Cendana, Samsul Bahrin Ibrahim berkata, pihaknya berbesar hati selepas Masjid An-Nur dipilih sebagai lokasi program ibadah murni dalamrangka akhiran Harian Metro ini.

"Kami sangat berbesar hati kerana Harian Metro memilih kawasan kami sebagai tempat untuk Titipan Kasih Harian Metro sempena Aidiladha ini.

BERSIH KAWASAN

■ Kariah Masjid An-Nur bersiap untuk program korban Titipan Kasih Harian Metro

tong-royong dianjurkan penduduk dan jawatankuus masjid bagi membersihkan kawasan masjid dan tapak khemah. Ini bagi memastikan proses menyemayam lembu dan melapah lembu yang disenibelli berjalan lancar Selasa ini," katanya.

Samsul berkata, pihaknya juga memasang 17 kheyam bagi memberi ruang selesaan dan melancarkan proses pengangkutan hambang lembu korban kepada orang ramai dan golongan asyraf. "Kami akan melakukan

lembu di kawasan berselang-selang menjangka 2,000 tetamu hadir termasuk fakir miskin dari kawasan berdekatan.


"Kami berterima kasih kepada Harian Metro kerana memberi peluang menjayakan program ini serta berharap para tamu turut berbahagia dengan perayaan yang selamat dan bersejahtera," katanya.

Turut hadir, YBhg Dato' Aidiladha itu didakwa dengan kerajaan, Tunku Abdul Halim, Persekutuan Semliki Cekak Malaysia (PSSCM).

Program itu mengagihkan 150 Kotak Rezeki kepada golongan fakir miskin yang dikenal pasti selain pertunjukan seni mempertahankan

Zuhur menggunakan seba-

hingga 100%



BERITA HARIAN

80 keluarga mangsa ribut dapat bantuan

• Sumbangan segera RM1,000 sebagai permulaan bagi ringankan beban

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhj@bh.com.my BH 11/9/2016

► Pasir Gudang

Seramai 80 keluarga mangsa ribut di Kampung Pasir Putih, dekat sini, akan menerima bantuan segera sebanyak RM80,000 sebagai permulaan oleh kerajaan negeri bagi meringankan beberapa akibat ribut yang memusnahkan kediaman penduduk.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Nordin, berkata sumbangan yang akan disampaikan oleh Ketua UMNO Bahagian Tebrau, Datuk Maulizan Bujang sudah diputuskan pada peringkat kerajaan

negeri dan Yawasan Pasir Gudang.

Katanya, setiap keluarga mangsa ribut akan menerima bantuan kebajikan sebanyak RM1,000 iaitu RM500 daripada Jabatan Menteri Besar, manakala RM500 daripada Ya-

wang Pasir Gudang.

Kerjaan negeri menzahirkan rasa simpati kepada mangsa ribut dan saya difahamkan, terdapat 80 rumah yang rosak, selain menjelaskan kiranya 360 penduduk daripada 80 kediaman penduduk.

"Saya bersyukur kerana tiada kematangan jiwा, tetapi apa yang kita dapat lihat kerosakan kepada harta benda dan saya ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk wakil rakyat, Majlis Perbandaran Pasir Gu-

Bantuan segera

Memandangkan memang ada keperluan bagi membantu mangsa ribut dari segi pembinaan semula rumah mereka, maka saya segera ber-setuju supaya bantuan kebajikan dikeluarkan kepada keluarga mangsa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat tapak kererosakan rumah akibat ribut, dekat sini, semalam. Yang turut hadir, Yang

Khaled (dua dari kanan) melawat rumah penduduk yang terjejas dalam kejadian ribut di Kampung Pasir Putih, Pasir Gudang dan mengumumkan bantuan segera RM1,000 kepada setiap 80 keluarga yang terjejas.

Diperlusi MPPG, Hasrin Kamal Hashim.


Dalam pada itu, kira-kira empat keluarga dipindahkan ke dalam selementara berdekatan, manakala yang lain menetap di rumah keluarga ter-dekat.

Mohamed Khaled berkata, susulan daripada kejadian bencana alam ini, pihak jabatan agama dan pihak majlis keselamatan akan mentaksirkan kerugian dihadapi, selain menyalurkan bantuan selaras dengan kerosakan yang berlaku kepada setiap keluarga.

"Kita berharap proses bagi mengganti, membina dan membaiki rumah mangsa ribut itu akan berjalan dengan lancar," katanya.



[FOTO IZLAILY NURULAIN HUSSEIN/BH]



SINAR HARIAN

SH 11/9/16

'Tangisan jiran menghantui saya'

Mangsa ribut sukar lupa detik cemas selamatkan keluarga

■ AZIZAN INCHE HARUN

PASIR GUDANG — "Masih tergiang-giang di telinga saya tangisan dan jeritan jiran sebaik kediaman kami musnah dipukul ribut dalam kejadian kira-kira jam 2.30 petang kelmarin," luah mangsa ribut di Kampung Pasir Putih, Siti Nur Sharrina Mohamad, 23.

Katanya, ketika kejadian berlaku, dia dan anak tunggalnya yang berusia empat tahun sedang berahat di dalam rumah bersama enam lagi ahli keluarga yang lain.

Menurutnya, dalam waktunya yang cukup pantas mereka dibasahi air hujan selepas bumbung secara tiba-tiba diterbangkan angin kencang.

"Dalam keadaan panik saya mengheret anak berlari keluar rumah bersama ahli keluarga lain dan waktuitu kedengaran tangisan dan jeritan jiran yang dalam ketakutan."

"Saya memerlukan erat anak yang menggil ketakutan sehingga masih trauma sehingga ke hari ini (semalam) dan tangisan jiran masih menghantui saya," katanya ketika ditemui pemberita di sini, semalam.

Siti Nur Sharrina berkata, kejadian pertama kali berlaku itu menyebabkan mereka se-



Rumah Mohd Raffi yang musnah dipukul ribut kelmarin.

keluarga kerugian besar apabila semua perabot dan barang elektrik mengalami kerosakan kerana dibasahi hujan.

"Habis semua barang elektrik dan perabot kami rosak kerana bumbung rumah telah diterbangkan angin kuat tak tahu ke mana.

"Saya menumpang sementara di rumah mertua, manakala ahli keluarga yang lain tidur di beranda rumah berbumbung beberapa sisa zink yang tinggal," katanya.

"Saya lagi mangsa, Mohd. Raffi Mustaffar, 29, berkata, kejadian benar-benar

mengejutkannya yang bersendirian sedang bersiap untuk kembali bertugas di syarikat perkapalan di Pasir Gudang.

Menurutnya, dia tidak menyangka cuaca yang bertukar menjadi gelap berserta angin kuat bertukar tragedi yang tidak mungkin dilupakan sampai bila-bila.

"Saya berlari keluar rumah sebaik melihat bumbung rumah diterbangkan angin."

"Lebih menakutkan apabila kedengaran suara jiran-jiran yang menangis ketakutan apabila kediaman mereka juga turut musnah," katanya.



SINAR HARIAN



Mohamed Khaled (dua kanan) mengadakan lawatan ke Kampung Pasir Putih, semalam.

Bantuan khas tragedi ribut

PASIR GUDANG – Pejabat Menteri Besar dan Yayasan Pasir Gudang memperuntukkan bantuan khas sebanyak RM 80,000 kepada 80 keluarga mangsa tragedi ribut di Kampung Pasir Putih, di sini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkenan, bantuan itu berupa wang tunai berjumlah RM1,000 untuk setiap keluarga berdaftar membabitkan seramai 360 penduduk yang mula diagihkan bermula hari ini.

"Melihat kepada keadaan ini, memang ada keperluan untuk membantu mangsa membina semula rumah mereka yang telah musnah."

"Secara segera kita bersatu memberikan bantuan

kebijikan sebanyak RM500 daripada Pejabat Menteri Besar dan RM500 lagi dari pada Yayasan Pasir Gudang, menjadikan RM1,000 untuk setiap keluarga yang terjejas," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke kampung tersebut, semalam.

Turut sama, Ahli Parlimen Tebrau, Datuk Khoo Soo Seang, Adun Tiram, Datuk Maulizan Bujang, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Hasrin Kamal Hashim dan Ketua Kampung Pasir Putih, Bachok Nohong.

Menurutnya, pihak jabatan kerajaan lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Agama Islam Johor dan Majlis Keselamatan Negara juga akan

datang membuat penilaian bagi memastikan bantuan yang akan diberikan selari dengan kerosakan yang berlaku.

"Saya percaya pihak-pihak jabatan kerajaan lain akan datang untuk menilai kerugian dihadapi dan menyalurkan bantuan selari dengan kerosakan yang berlaku.

"Kita bersyukur kerana tak ada kemalangan jiwa dan kita dapat lihat hanya kerosakan harta benda sahaja," katanya.

Dalam pada itu, Mohamed Khaled turut menzahirkan rasa simpati kepada mangsa dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu mengurangkan beban mangsa selepas tragedi berkenaan.

